

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ecenderungan atlet menghadkan pilihan pengajian berkaitan bidang sukan boleh menjejaskan hasrat kerajaan melahirkan lebih ramai atlet pemikir dan berpendidikan tinggi kerana ketika ini peluang pengajian berkaitan sukan di Malaysia kurang kepelbagaian.

Arena sukan negara yang belum berkembang secara menyeluruh antara faktor dikenal pasti sebagai punca kurang tawaran program dalam bidang sukan yang pelbagai, justeru atlet disaran memperluas pilihan pengajian mereka termasuk

# Tingkatkan atlet pemikir

» Usaha melahirkan ahli sukan yang **mempunyai kelulusan akademik dalam pelbagai bidang pengajian** perlu kerjasama semua

bidang profesional sebagai jaminan masa depan selepas tidak bergiat dalam bidang sukan.

Pemain bola jaring Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI), Bandar Penawar Kota Tinggi; Noor Farhana Fasya Othman, 20; berkata jika atlet mengaplikasikan disiplin dan motivasi menghadapi persaingan bidang sukan dalam akademik, tiada masalah bagi mereka mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang termasuk kejuruteraan dan perubatan.

## Pilih bidang profesional

Bekas pelajar Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail, Bandar Penawar Kota Tinggi itu yang bakal memulakan pengajian bidang komunikasi massa di Universiti Putra Malaysia (UPM) bulan depan berkata, kepentingan akademik tidak harus dipinggirkan atlet.

# Utamakan akademik

## ● Dari muka 1

bukan saja untuk membina kerjaya yang lebih baik pada masa depan, tetapi selari matlamat melahirkan 'thinking athletes' yang cemerlang dalam sukan masing-masing.

"Ada senior di SSTMI kini meneroka kerjaya sebagai jurutera dan doktor. Ini membuktikan atlet tidak semestinya membina kerjaya sebagai jurulatih saja, tetapi mampu cemerlang dalam akademik dan menceburi bidang profesional. Lagipun, kini sudah ada kursus jangka pendek bagi atlet membuat persediaan menjadi jurulatih.

"Minat sukan itu bagus, tetapi akademik dan kerjaya perlu difikirkan juga. Saya pernah berjumpa bekas pelajar SSTMI berumur 40 tahun dan berkhidmat dalam sektor perbankan, tetapi masih aktif bersukan mewakili syarikatnya," katanya ketika ditemui dalam Majlis Impianku ke Menara Gading Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di Putrajaya, baru-baru ini.

Beliau berkata, ciri disiplin dan usaha bersungguh-sungguh dalam latihan persediaan menghadapi pertandingan seharusnya diterap dan dijadikan motivasi dalam

pembelajaran akademik atlet bagi mencapai pencapaian cemerlang setara.

### Stigma negatif

Pemain hoki, Muhammad Haziq Ahmad Tarmizi, pula berkata persepsi masyarakat bahawa atlet tidak berminat meningkatkan kelayakan akademik mereka secara tidak langsung boleh 'membunuh' minat ahli sukan untuk melanjutkan pengajian peringkat tinggi.

"Saya ada ramai rakan atlet yang sebenarnya mahu belajar, tetapi sering diherdik dengan kenyataan, umpamanya, 'asyik bersukan saja, bila hendak belajar', tanpa diberi peluang mendapat pendedahan dan pendekatan pengajian sesuai boleh diikuti sebagai atlet.

"Tiada sokongan moral seumpama itu lama kelamaan membentuk pemikiran mereka supaya fokus bersukan saja dan meminggirkan pelajaran," katanya.

Beliau berkata, tindakan berkenaan merugikan diri mereka kerana berdepan risiko kurang jaminan masa depan apabila mengalami kecederaan yang tidak memungkinkan mereka untuk bergiat aktif dalam sukan.

Selain itu, katanya, pende-

katan sekolah sukan yang turut menyediakan pendidikan prauniversiti wajar diperluas bagi menggalakkan atlet menyambung pengajian tinggi.

Bekas pelajar Kolej Matrikulasi Johor itu akan melanjutkan pengajian dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Kuasa di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

### Sedia biasiswa untuk atlet

Penawaran lebih banyak biasiswa khusus untuk atlet melanjutkan pengajian tinggi dicadangkan bekas pelajar program prauniversiti SSTMI yang juga atlet renang, Hoo Lai Kee, 20, supaya memberi keyakinan baru kepada ibu bapa untuk membenarkan anak mereka menceburi sukan berprestasi tinggi dan seterusnya mewakili negara.

Beliau yang akan mengikuti bidang Sains Sukan di Universiti Malaya bulan depan yakin langkah itu berkesan melahirkan atlet berpendidikan tinggi dan bukan atlet 'school drop-out' yang tidak menjamin masa depan mereka selepas tidak bergiat dalam bidang sukan.

Lai Kee juga berharap pensyarah memberi sokongan sewajarnya kepada atlet



SAYA ADA RAMAI RAKAN ATLET YANG SEBENARNYA MAHU BELAJAR, TETAPI SERING DIHERDIK DENGAN KENYATAAN, UMPAMANYA, 'ASYIK BERSUKAN SAJA, BILA HENDAK BELAJAR'"

**Muhammad Haziq Ahmad Tarmizi,**  
Pemain hoki

dengan mengadakan jadual kelas lebih fleksibel supaya ahli sukan tetap berpeluang menghadiri kelas secara bersemuka selain pembelajaran dalam talian.

"Sistem pembelajaran online bagus bagi memudahkan kami memuat turun nota kuliah atau mengadakan perbincangan dalam talian mengikut kesesuaian masa. Namun, kami juga berharap pensyarah boleh meluangkan masa mengadakan kuliah malam, contohnya, kerana pembelajaran secara bersemuka mampu meningkatkan kefahaman," katanya.

### Kerjasama tenaga pengajar

Sementara itu, Pengarah Majlis Sukan Universiti Malaysia, Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansor, berkata ahli akademik boleh memainkan peranan aktif dalam penghasilan atlet pemikir termasuk menggiatkan usaha penyelidikan dan menterjemah hasil penyelidikan kepada kecemerlangan atlet.

"Dengan adanya program sistematik dan konsisten pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) dengan disertai pembabitan atlet bersaing di peringkat antarabangsa, saya yakin atlet IPT mampu menjadi The Thinking Athletes seperti dihasratkan," katanya.

Seramai 1,682 atlet negeri dan negara ditawarkan menyambung pengajian peringkat ijazah pertama pada sesi akademik bermula bulan depan yang mana KPT turut menyediakan Biasiswa Sukan bernilai RM10 juta tahun ini bagi membiayai pengajian kira-kira 150 atlet cemerlang.